



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Runtuhan Kondominium Siasatan Tumpu aspek majikan	18
- Kandang haram atas tanah rizab masjid, sungai diroboh	39
- Inap desa ceroboh tanah kerajaan	12

News Straits Times

- Law to Curb import of plastic waste	7
---------------------------------------	---



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Runtuhan Kondominium Siasatan Tumpu aspek majikan
Muka Surat	18

BH 18/2/2020 m/s 18

Runtuhan kondominium

Siasatan tumpu aspek majikan

Kuala Lumpur: Proses siasatan standard bagi kejadian runtuhan struktur kondominium di Taman Desa di sini, baru-baru ini, dijangka dapat dilengkapkan dalam tempoh sebulan.

Siasatan itu merangkumi rakanan percakapan saksi, semakan terhadap prosedur dan sistem kerja selamat, analisis sampel bahan serta analisis forensik terhadap hipotesis punca kejadian.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata siasatan dibuat menjurus kepada tahap majikan menjalankan kewajipannya bagi menyedia dan memastikan tempat kerja selamat serta sihat.

Katanya, ia bagi menentukan sama ada tindakan majikan terbabit selaras dengan kehendak Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

“Siasatan itu dikendali pegawai Seksyen Siasatan dan Pendakwaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kuala Lumpur dan Putrajaya, dibantu pegawai Seksyen Kejuruteraan Forensik JKKP Ibu Pejabat,” katanya dalam kenyataan, semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Kandang haram atas tanah rizab masjid, sungai diroboh
Muka Surat	39



Jentera berat merobohkan kandang haram di tanah rizab masjid dan sungai di Bandar Botanik, Klang, semalam.
(Foto BERNAMA)

18/2/2020 my 39
Kandaung haram atas tanah rizab masjid, sungai diroboh

Klang: Kerja perobohan kandang ternakan lembu dan kambing serta binaan kuil di Jalan Rembia 2, Bandar Botanic di sini, perlu dilakukan ekoran pemiliknya didapati menceroboh tanah dikategorikan sebagai tanah rizab masjid dan sungai.

Ketua Penolong Pegawai Daerah Klang, Mohd Shahrizal Mohd Salleh, menjelaskan tindakan itu diambil selepas tiga notis pencerobohan dikeluarkan sebelum ini mengikut Seksyen 425 dan 426A (1)(c) Kanun Tanah Negara 1965 langsung tidak diendahkan pemilik struktur binaan berkenaan.

"Tanah seluas satu ekar ini

diceroboh untuk dibina kandang lembu dan kambing, kabin simpanan barang serta kuil.

Notis pencerobohan juga dihantar kepada pemilik struktur pada 13 November 2006, 7 Oktober 2017 dan 9 Januari lalu supaya mereka mengosongkan tapak itu, namun tidak diendahkan.

"Aktiviti pencerobohan lot tanah di Jalan Rembia 2 ini didapat menghalang kelancaran pembinaan projek tebatan banjir di Sungai Aur Fasa 5 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Masjid Jamek Cina Muslim oleh Jabatan Agama Islam Selangor," katanya kepada media di sini, semalam.

Tambahnya, pencerobohan dan pendudukan tidak sah di atas tanah kerajaan adalah kesalahan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 dan jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun, Mohd Shahrizal berkata, pemilik binaan kuil itu diberi tempoh penangguhan selama seminggu bermula hari ini (semalam) untuk memindahkan sendiri struktur berkenaan sebelum dirobohkan agensi penguatuasaan terbabit jika masih gagal mengambil sebarang tindakan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Inap desa ceroboh tanah kerajaan
Muka Surat	12



Jentera merobohkan bangunan inap desa dibina di tanah kerajaan di Sungai Petani, semalam.

(Foto Nor Farhani Che Ad/BH)

18/2/2020 m12
Inap desa ceroboh tanah kerajaan

Sungai Petani: Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kedah menyata kawasan inap desa seluas 1.13 hektar di bandar ini, selepas mendapat pemiliknya menceroboh tanah kerajaan.

Dalam operasi bermula jam 9 pagi semalam, tindakan turut membabitkan kerja meroboh tiga struktur bangunan membabitkan premis menempatkan 40 bilik penginapan, pejabat pengurusan dan kafeteria.

Pengarah Tanah dan Galian negeri, Datuk Mohamad Che Nai, berkata tindakan itu diam-bil mengikut Seksyen 425 Kanun

Tanah Negara (KTN) 1965.

“Tanah ini milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) untuk kegunaan Kem Lapangan Terbang Sungai Petani. Maklumat diperoleh mendapat kawasan ini diceroboh sejak 15 tahun lalu untuk pembangunan inap desa, tempat makan dan sebagainya,” katanya di sini, semalam.

Mohamad berkata, dua notis di bawah KTN dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) di bawah Majlis Perbandaran Sungai Petani itu bakal dijadikan tempat latihan ketenteraan.

(MPSPK) dikeluarkan pada 20 Oktober tahun lalu.

Katanya, mengikut akta berkenaan, pemilik premis diberi tempoh 90 hari untuk mengosongkan bangunan, namun sehingga hari ini, pemilik gagal berbuat demikian.

Beliau berkata, pihaknya turut mengemukakan kompaun kepada pemilik bangunan dalam tempoh 30 hari bagi menuntut semula peralatan disita.

Difahamkan lokasi di kawasan Kem Lapangan Terbang Sungai Petani itu bakal dijadikan tempat latihan ketenteraan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)

Akhbar	News Straits Times
Tajuk Berita	Law to Curb import of plastic waste
Muka Surat	7

NST 18/2/2020 m/s 7
'EASY PREY'

LAW TO CURB IMPORT OF PLASTIC WASTE

It's one option being considered to prevent developed countries from dumping material in Malaysia

KALBANA PERIMBANAGAM
PETALING JAYA
kalbana@nst.com.my

THE Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry is weighing options to stop developed countries from exporting their plastic waste to Malaysia. The drafting of a law is among

the ideas the ministry is considering to curb the non-recyclable plastic waste problem.

Deputy Minister Isnaraissah Munirah Majilis said it was the government's last option to resolve the issue of non-recyclable plastic waste, which arrived from Canada, Spain, France, the United Kingdom and the United States.

She said countries like Malaysia had become "easy prey" or

dumping grounds for non-biodegradable materials, like plastic containers and bottles.

"We are weighing the pros and cons," she said after officiating at the Foundation and Laboratory of Cervical Cancer Removal Screening Project (Rose) at Hotel Armada here yesterday.

Present were ministry secretary-general Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, Australian deputy high commissioner Michael Growder and Rose Foundation technical medical adviser Prof Woo Yin Ling.

"Malaysia is among the countries targeted by developed countries to dump plastic waste."

"For a long time, China had been the biggest importer of this waste, but in 2018, an amendment was made to the Basel Convention signed in 1989.

"Since then, it became wary and worked to reduce cross-border plastic waste import," she said, adding that 187 countries had signed the convention.

Isnaraissah said the latest amendment to the convention stipulated that any plastic-importing country should be informed of the content of the material to be shipped and agreed to, before any cross-border waste movement was made.

Last month, Malaysia returned 150 containers, filled with 3,737 tonnes of non-recyclable waste, to their originating country.

There are another 110 containers being prepared to be sent back without any cost to the government.

+

